ڤجابت جوروترا دائيره، جابتن کرجراي کينتا
PEJABAT JURUTERA DAERAH,
JABATAN KERJA RAYA KINTA,
JALAN CHARLETON,
30100 IPOH,
PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05-527 7055
Faks : 05-527 8055
L. Web : www.jkrperak.gov.my

Ruj. Kami : Bil.(33)dlm. J.D. Kta.200-7/7/12(C)JLD.6
Ruj. Tuan : KUDR/TNBB/B/07/25/0699(11)
Tarikh : 7 Ogos 2025

RECEIVED
07 AUG 2025
KORIDOR UTILITI
DARUL RIDZUAN

Koridor Utiliti Darul Ridzuan,
B-G-9 & B-G-11, Greentown Suria,
Jalan Dato' Seri Ahmad Said,
**30450 IPOH,**
**PERAK DARUL RIDZUAN.**

Tuan,

| | | |
|---|---|---|
| Tajuk Projek | : | **PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK CADANGAN MEMBINA 1 UNIT RUMAH DI ALAMAT NO. LOT 83849B JALAN KERAMAT PULAI 31300 KAMPUNG KEPAYANG IPOH PERAK DARUL RIDZUAN.** |
| Lokasi | : | Laluan Persekutuan (FT 185) Simpang Pulai |
| Perkara | : | Permohonan Izin Lalu – 24m Overhead Cable Merentangi Laluan Persekutuan |

Dengan segala hormatnya perkara di atas dan surat tuan ruj. KUDR/TNBB/B/07/25/0699(11) yang diterima pada 01hb. Ogos 2025 adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa pejabat ini **MENOLAK PERMOHONAN** di atas **menggunakan kaedah *overhead cable* merentangi Laluan Persekutuan** atas justifikasi risiko terhadap pengguna jalan serta bercanggah dengan arahan Prosedur Permohonan Pemasangan Utiliti Di Jalan Persekutuan daripada JKR Malaysia. Pihak tuan dikehendaki menukar kaedah kerja di atas serta :

a. Tidak menggunakan kaedah korekan secara terbuka pada pavement JKR,
b. *Manhole* / HDD Pit / tiang / kemudahan utiliti milik pemohon tidak dibina pada pavement JKR (perlu dibina pada kawasan *Green Area* di dalam kawasan ROW yang paling maksimum),
c. Perlu mematuhi kesemua keperluan berkaitan di dalam Seksyen 85, Akta 333 serta mematuhi kesemua perundangan lain serta prosedur PBM yang berkaitan dari semasa ke semasa,
d. Sebarang kemudahan utiliti milik pemohon tidak dibenarkan dipasang / ditambat pada struktur jambatan milik JKR bagi mengelakkan sebarang risiko kepada pengguna jalan serta aset kerajaan,
e. Telah mengambilkira keperluan dan risiko lain yang wujud akibat dari jajaran utiliti dan aset lain sedia ada di tapak,
**f. Tidak dibenarkan memasang kabel secara *overhead* merentangi jalan,**
**g. Bagi kerja pemasangan utiliti merentangi jalan, hanya kaedah *Trenchless* sahaja dibenarkan,**
**h. Pemasangan kabel *overhead* hanya dibenarkan untuk kabel yang selari dengan jalan sahaja.**

..2/-

Ruj. Kami : Bil.(33)dlm. J.D. Kta.200-7/7/12(C)JLD.6
Ruj. Tuan : KUDR/TNBB/B/07/25/0699(11)
Tarikh : 7 Ogos 2025

Tajuk Projek : **PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK CADANGAN MEMBINA 1 UNIT RUMAH DI ALAMAT NO. LOT 83849B JALAN KERAMAT PULAI 31300 KAMPUNG KEPAYANG IPOH PERAK DARUL RIDZUAN.**
Lokasi : Laluan Persekutuan (FT 185) Simpang Pulai
Perkara : Permohonan Izin Lalu – 24m Overhead Cable Merentangi Laluan Persekutuan

3. Walaubagaimanapun, Pejabat ini **MEMBERI KEBENARAN** tempoh izin lalu kepada pihak tuan untuk **melaksanakan kerja ukur tanah (sempadan ROW), cerapan data bagi Pemetaan Pengesanan Utiliti (UDM) dan penandaan jajaran utiliti** di kawasan terlibat. Sehubungan dengan itu, tarikh kebenaran Izin Lalu yang diberikan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Tarikh Mula Izin Lalu | 13.08.2025 |
| Tarikh Tamat Izin Lalu | 12.02.2026 |

4. Semasa tempoh ini masih berkuatkuasa, pihak tuan perlulah **mengemukakan permohonan Kelulusan/ Permit Pemasangan Utiliti bersama dokumen-dokumen** yang diperlukan sebagaimana dalam Senarai Semak Permohonan Kelulusan/ Permit kepada pejabat ini selewat-lewatnya **satu (1) bulan sebelum Tarikh Tamat Izin Lalu**.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**( Ir. ATIKAH BINTI MD RADZI )**
Jurutera Daerah,
Jabatan Kerja Raya Kinta
Perak Darul Ridzuan
Tel : 05-5277055
Faks : 05-5278055
Emel : kinta@jkr.gov.my

KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN SDN BHD
TINDAKAN / MAKLUMAN
- [ ] KETUA OPERASI
- [ ] PENGURUS SUMBER MANUSIA
- [ ] KETUA PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
- [x] PENGURUS KORIDOR NEGERI
- [ ] PEGAWAI KHAS (PEJABAT KPE DAN PENTADBIRAN

CATATAN
7/8/2025

s.k.

1. Pengarah Kerja Raya,
Negeri Perak Darul Ridzuan
**(u.p: Jurutera Awam Penguasa (Jalan)**

**KORIDOR UTILITI**
DARUL RIDZUAN
No. Syarikat: 201001031818 (915741-H)

Ruj. Kami : KUDR/TNBB/B/07/25/0699 ( 11 )
Tarikh : 31 Julai 2025

PEJABAT JURUTERA DAERAH
JKR KINTA IPOH
01 AUG 2025 TERIMA

| | | |
|---|---|---|
| ☐ JJ (1) | ☐ TINDAKAN | ☐ PJT (IPOH / PERSIAPAN) |
| ☐ JJ (2) | ☐ MAKLUMAN | ☐ PJK (BATU GAJAH) |
| ☐ JS | ☐ BINCANG | ☐ SUP |
| ☐ JB (1) | ☐ SIASAT / PERIKSA | ☐ KPT (P) |
| ☐ JB (2) | ☐ SEMAK / KAJI | ☐ KPT (W) |
| ☐ JUB | ☐ EDAR / PAMER | ☐ PJ........................ |
| ☐ PJT (BGN) | ☐ FAIL / F&K | |
| | ☐ SILA HADIR | |

1/8

**Jurutera Daerah,**
Jabatan Kerja Raya Daerah Kinta,
Jalan Charleton,
Taman Cherry,
30100 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
(u.p: Bahagian Jalan)

Tuan,

**PROJEK / KERJA : PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK CADANGAN MEMBINA 1 UNIT RUMAH DI ALAMAT NO. LOT 83849B JALAN KERAMAT PULAI 31300 KAMPUNG KEPAYANG IPOH PERAK DARUL RIDZUAN**
**LOKASI : JALAN PERSEKUTUAN JALAN SIMPANG PULAI – BLUE VALLEY (FT.185)**

**PERKARA : PERMOHONAN IZIN LALU** – overhead merentangi FT 185

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa **Tenaga Nasional Berhad** akan menjalankan kerja pemasangan utiliti bagi **Permohonan Bekalan Elektrik Cadangan Membina 1 Unit Rumah Di Alamat No. Lot 83849B Jalan Keramat Pulai 31300 Kampung Kepayang Ipoh Perak Darul Ridzuan** di **Jalan Persekutuan Jalan Simpang Pulai – Blue** Valley (FT.185) sepanjang **24 meter.**

3. Sehubungan dengan itu, pihak kami ingin membuat Permohonan Izin Lalu bagi melaksanakan kerja ukur tanah (sempadan ROW), cerapan data bagi Pemetaan Pengesanan Utiliti (UDM) dan penandaan jajaran utiliti di kawasan terlibat. Bersama-sama ini dikemukakan dokumen-dokumen sebagaimana berikut:

(i) Pelan Cadangan laluan utiliti yang menunjukkan sempadan ROW jalan Persekutuan dan lot tanah bersebelahan.
(ii) Kaedah pemasangan utiliti mengikut cadangan laluan.
(iii) Gambar-gambar lokasi.
(iv) Tarikh jangka mula **13 Ogos 2025** dan jangka siap **28 Ogos 2025** (kerja ukur, cerapan data UDM dan penandaan di kawasan terlibat).

Sgi. luas
utk tindakan

B-G-9 & B-G-11 GREENTOWN SURIA JALAN DATO' SERI AHMAD SAID 30450 IPOH PERAK 05-238 0493 kudr.my

| KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN<br>BORANG ULASAN LAWATAN TAPAK AWALAN | KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN |
|---|---|

**NO. RUJUKAN FAIL:** KUDR/TNBB/B/07/25/0699

**TAJUK PROJEK :**

PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK CADANGAN MEMBINA 1 UNIT RUMAH DI ALAMAT NO. LOT 83849B JALAN KERAMAT PULAI 31300 KAMPUNG KEPAYANG IPOH PERAK DARUL RIDZUAN

| PEMOHON / PENYEDIA UTILITI | PERINGKAT | KATEGORI PEMOHON |
|---|---|---|
| **PEMOHON :** SYARIKAT ELEKTRIK JAMALUDDIN SDN. BHD.<br>**PENYEDIA UTILITI :** TENAGA NASIONAL BERHAD | ■ KELULUSAN IZIN LALU<br>☐ PERMIT<br>☐ PEMANTAUAN<br>☐ SIAP KERJA | ☐ PENYEDIA UTILITI<br>☐ PEMAJU<br>☐ PERUNDING<br>■ KONTRAKTOR |

| | |
|---|---|
| **JARAK (METER)** | 24 METER |
| **TARIKH LAWATAN** | 17 JULAI 2025 |
| **DAERAH** | KINTA |
| **LOKASI / JALAN TERLIBAT** | JALAN SIMPANG PULAI – BLUE VALLEY (FT.185) |
| **PIHAK BERKUASA MELULUS** | JABATAN KERJA RAYA DAERAH KINTA |

**ULASAN KUDR :**

1) Lawatan tapak pada 17.07.2025 mendapati permohonan melibatkan jarak sepanjang 24-meter menggunakan kaedah Penanaman Tiang (OH) dan Penarikan Kabel.
2) Pelan Infrastruktur Utiliti (UDM) dan Pelan Kawalan Trafik (TCP) diperlukan bagi syarat-syarat kelulusan permit.
3) Secara keseluruhan, pihak JKR akan memberi kebenaran setelah menyemak kesesuaian kedudukan utiliti yang dimohon melalui Pelan Infrastruktur Utiliti (UDM).

**ULASAN JKR :**

1) Tidak menggunakan kaedah korekan secara terbuka pada *pavement* JKR.
2) Manhole / HDD Pit / tiang / kemudahan utiliti milik tuan tidak dibina pada *pavement* JKR (perlu dibina pada kawasan *green area* di dalam kawasan ROW yang paling maksimum).
3) Perlu mematuhi kesemua keperluan berkaitan di dalam Seksyen 85, Akta 333 serta mematuhi perundangan lain yang berkaitan dari semasa ke semasa.
4) Sebarang kemudahan utiliti milik tuan tidak dibenarkan dipasang / ditambat pada struktur jambatan milik JKR bagi mengelakkan sebarang risiko kepada pengguna jalan serta aset kerajaan.
5) Telah mengambilkira keperluan dan risiko lain yang wujud akibat dari jajaran utiliti pihak lain sedia ada.
6) Tidak dibenarkan memasang kabel secara *overhead* merentangi jalan.
7) Bagi kerja pemasangan utiliti merentangi jalan,hanya kaedah *Trenchless* sahaja dibenarkan.
8) Pemasangan kabel *overhead* hanya dibenarkan untuk kabel yang selari dengan jalan sahaja.

| KORIDOR UTILITI DARUL RIDZUAN | PIHAK BERKUASA MELULUS | PEMOHON |
|---|---|---|
| (signature) | (signature) | |
| **NAMA :** AIMEE ATIKAH BINTI ZAKARIA | **NAMA :** AHMAD SYIHAN | **NAMA :** MUHAMMAD NABIL BIN REDZUAN |
| **JAWATAN :** PEGAWAI KORIDOR DAERAH | **JAWATAN :** PENOLONG JURUTERA | **JAWATAN :** PEMOHON |
| **TARIKH :** 17.07.2025 | **TARIKH :** 21.07.2025 | **TARIKH :** |

1. Menanam tiang ketinggian 9 meter. (POINT B)
2. Merentang kabel talian atas dari seberang jalan.
3. Dari point A ke point B



TENAGA NASIONAL

**Tenaga Nasional Berhad** 199001009294 (200866-W)
TNB Platinum, No. 3, Jalan Bukit Pantai, Bangsar
59100 Kuala Lumpur

Tel: +6 03 2296 5566
Fax: +6 03 2283 3686
www.tnb.com.my

**ENGR-5110-PSI**

Tarikh: 22hb Oktober 2024

Rujukan Tuan:
Rujukan Kami: TNB/DN/APP PERAK/TGR(2024)/SN 11000866199 /IZ (PBT)

Kepada: Koridor Utiliti Darul Ridzuan
B-G-9 & B-G-11, Greentown Suria,
Jalan Dato Seri Ahmad Said,
30450 Ipoh, Perak
(U/P: Pengurus Koridor Negeri)

Pejabat Jurutera Daerah
Jabatan Kerja Raya Kinta;
30100 Ipoh Perak Darul Ridzuan.

**PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK CADANGAN MEMBINA 1 UNIT RUMAH DI ALAMAT NO.LOT 83849 JALAN KERAMAT PULAI 31300K KAMPUNG KAPAYANG IPOH PERAK DARUL RIDZUAN.**

*-Pemakluman Izinlalu*

---

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak kami sedang merancang untuk memberi bekalan elektrik ke projek di atas. Untuk makluman pihak tuan, laluan kabel akan melalui jalan seperti yang ditandakan di dalam pelan.

3. Bersama-sama ini disertakan dokumen-dokumen / lampiran berkaitan yang menunjukkan lokasi di mana kerja-kerja akan dilaksanakan untuk rujukan bagi memudahkan semakan dan kelulusan pihak tuan.

i. Lukisan Tapak (Pelan Skematik)
ii. Peta Penandaan Lokasi
iii. Gambar Lokasi

4. Mohon pihak tuan mengaturkan satu tarikh lawatan tapak bersama bagi menentukan serta meluluskan cadangan laluan yang dinyatakan seperti di atas.

*Bersambung (1/2)*